

Headline	Saman 70 bekas pekerja ditolak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Aug 2014	Color	Black/white
Section	Mahkamah & Jenayah	Circulation	40,000
Page No	18	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	59 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 529
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,586



Saman 70 bekas pekerja ditolak

KUALA LUMPUR - Mahkamah tinggi di sini, semalam menolak saman difailkan 70 bekas pekerja Lembaga Tabung Haji yang menuntut bayaran saku hati selepas berhenti di bawah Skim Persaraan Awal Sukarela (SPAS).

Hakim Datuk Yeoh Wee Siam menolak saman itu kerana mendapati plaintif gagal membuktikan tuntutan mereka dan mengarahkan plaintif membayar kos RM20,000.

Dalam penghakimannya, beliau berkata, plaintif secara sukarela, memilih untuk bersara di bawah SPAS dan telah dibayar saraan.

Katanya, plaintif telah menandatangani satu penyelesaian penuh yang muktamad, dan tidak boleh meminta manfaat lain kerana pembayaran ganjaran tidak termasuk sebahagian daripada terma perjanjian.

Mahkamah juga memutuskan plaintif tidak mempunyai asas undang-undang untuk menuntut bayaran itu.